

BAZAAR RAMADAN



BAZAR Ramadan tahun ini mendatangkan perolehan lumayan buat peniaga. – GAMBAR HIASAN

156,361 pekerjaan diwujudkan seluruh negara

Bazar Ramadan, Aidilfitri jana RM2.4b

PETALING JAYA – Nilai jualan di bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun ini merekodkan RM2.4 bilion dan mewujudkan 156,361 peluang pekerjaan, menurut Laporan Kajian Khas Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2022 yang diterbitkan buat julung-julung kalinya oleh Jabatan Perangkaan semalam.

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin, laporan berkenaan berdasarkan kajian pihaknya bermula 3 hingga 29 April 2022, meliputi semua bazar yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Jelasnya, dari segi pengumpulan data, kaedah yang digunakan adalah temu ramah secara bersemuka, pemerhatian dan panggilan telefon, selain data pentadbi-

ran yang diperolehi daripada PBT.

“Selangor mendominasi nilai jualan bagi Bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun ini, dengan merekodkan RM0.6 bilion dengan bilangan pekerja seramai 31,563 orang.

“Ta diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan RM0.4 bilion (10,993 pekerja) dan Johor sebanyak RM0.3 bilion, melibatkan 22,423 pekerja.

“Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 55.5 peratus kepada nilai keseluruhan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pada peringkat daerah, Petaling mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM230.2 juta, diikuti oleh Johor Bahru (RM126.3 juta) dan Hulu Langat (RM117.9

juta).

Sementara itu, mengulas Laporan Survei Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2021 yang juga diterbitkan semalam, Mohd. Uzir berkata, pemain industri di Malaysia berbelanja RM2.97 bilion untuk perlindungan alam sekitar pada tahun 2020.

“Ini merupakan pertumbuhan sebanyak tiga peratus berbanding 2019, di tengah-tengah penguncupan keluaran dalam negara kasar sebanyak 5.5 peratus.

“Pengurusan pencemaran mendahului perbelanjaan dengan RM2,103.7 juta, diikuti oleh pengurusan sisa RM766.8 juta dan penilaian serta caj alam sekitar RM67.2 juta,” katanya.